

Tiada tolak- ansur terhadap pengedar: PM

BR 27 JUN 1986

BUKIT MERTAJAM, Khamis — Malaysia tidak akan bertolak-ansur terhadap pengedar dadah, tanpa mengira warna kulit, falsafah dan agama mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri ~~Dr Mahathir Mahamad~~, menegaskan, pengedar dadah adalah penjenayah yang sangat besar dan pembunuh.

Oleh itu, katanya, mereka yang terbukti mengimport dan mengedar dadah di sini, mesti dihukum mengikut undang-undang negara ini.

Beliau berkata, kerajaan lebih mementingkan nasib golongan yang menjadi mangsa jenayah disebabkan perbuatan pengedar-pengedar yang tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri merujuk kepada kes dua rakyat Australia, Brian Geoffery Chambers dan John Kevin Barlow, setelah rayuan terhadap hukuman mati mereka ditolak oleh Lembaga Pengampunan Pulau Pinang berikutan kes mengedar heroin seberat 1,179.56 gram pada 1983.

"Siapa yang melakukan jenayah di sini akan dihukum mengikut undang-undang negara ini, tanpa mengira bulu," katanya dalam satu sidang akhbar selepas melawat Pusat Insaf Diri, Bukit Mertajam, hari ini.

Ini adalah lawatan pertamanya ke pusat pemulihan dadah setelah mengambil alih tugas Menteri Dalam Negeri.

Beliau diberi taklimat

mengenai kegiatan pusat itu oleh Pengetuanya, Encik S Barathan.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang kini Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Dadah, mengingatkan bahawa tidak ada siapa yang boleh mengatakan hanya rakyat negara ini sahaja tertakluk kepada undang-undang negara.

"Siapa sahaja yang melakukan kesalahan di sini, hukuman ditentukan mengikut undang-undang negara ini.

"Dalam kes Bumiputra Malaysia Finance (BMF), kita terpaksa membiarkan undang-undang negara lain membuat penentuan kerana kita tidak ada kuasa melakukannya mengikut undang-undang kita," katanya.

Oleh itu, katanya, jika ada kesalahan yang dilakukan oleh orang asing di negara ini, Malaysia berhak menentukan undang-undang negara ini.

"Kita tidak nampak masalah besar mengenai perkara ini. Jika kita tidak boleh berbuat sesuatu terhadap kesalahan yang dilakukan oleh rakyat negara ini di negara asing, negara asing juga tidak boleh menentukan undang-undang di negara ini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia tidak bertolak-ansur

● MUKA 2 RUANG 10

Perdana Menteri: Dadah masalah nasional

BH 27 JUN 1986

● DARI MUKA 1

dengan pengedar dan pengimport dadah kerana mereka bukan sahaja menjadi penjenayah tetapi pembunuh. Ramai yang mati kerana dadah. Yang hidup pun menjadi bangkai bernyawa.

"Di negara ini, dadah dianggap masalah nasional yang sangat berat. Ia dianggap lebih berbahaya daripada ancaman komunis.

"Mereka yang terjebak sudah tidak berguna, menjadi beban kepada masyarakat serta tidak lagi boleh dipercayai."

Ditanya mengenai reaksi Australia terhadap kes itu, Perdana Menteri berkata Suruhanjaya Australia puas hati dengan pelaksanaan undang-undang di negara ini ke atas mereka yang terbabit dalam kegiatan dadah.

"Saya diberitahu bahawa suruhanjaya itu berpuas hati dengan apa yang dilakukan terhadap pesalah-pesalah," katanya ketika ditanya mengenai hukuman mati yang dijatuhkan ke atas dua rakyat Australia, Brian Geoffery Chambers dan John Kevin Barlow.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sebagaimana yang sudah dilaporkan reaksi daripada kerajaan Australia adalah baik.

"Ketika saya di Perth, Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke, menelefon saya. Beliau tidak membangkitkan soal dadah dan perkara berkaitan dengannya," katanya.

Beliau berkata, usaha mengatasi masalah dadah tidak boleh dilakukan oleh sesebuah negara sahaja. Ia memerlukan kerjasama semua negara di dunia.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan menggiatkan tindakan memeriksa orang dan barang-barang yang masuk dan keluar di negara ini bagi menyekat penyedupan dadah.

"Sebelum ini, banyak peruntukan dikeluarkan untuk memulihkan mereka yang terbabit dengan dadah. Sebaliknya, apabila pulih, mereka berbalik kepada tabiat lama. Ia bukan sahaja merugikan wang bahkan tenaga mereka tidak dapat digunakan untuk tujuan berfaedah."

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat memulihkan semua yang terbabit kerana ia memerlukan tempat antara 10 dan 15 kali ganda daripada pusat-pusat yang sedia ada sekarang.